

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN ER TECK HWA  
(BAKRI)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 16.05.2016**

**Y.B. TUAN ER TECK HWA [ BAKRI ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah terdapat garis panduan dimana setiap Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) perlu membayar balik 10% keuntungan selepas cukai kepada Kerajaan Persekutuan. Jika ya, berapakah keuntungan selepas cukai Jcorp dan pulangan kepada Kerajaan Persekutuan yang telah diberikan oleh Jcorp dari 2006-2016.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan Garis Panduan Ahli Lembaga Pengarah (ALP) Lantikan Menteri Kewangan (Diperbadankan)(MKD) yang dilancarkan pada 16 Disember 2014,

Pameran STI anjuran PSN memfokuskan kepada 3 elemen utama iaitu:

- (a) **Menjana pemikiran kreatif** melalui pameran interaktif yang berbentuk pengujian minda dan penyelesaian masalah di luar kotak;
- (b) **Peningkatan kemahiran kognitif** melalui bahan pameran yang menggunakan refleks dan pergerakan badan manusia; dan
- (c) **Pengetahuan Sains Secara Langsung (*Direct Knowledge*)** berdasarkan penerangan konsep-konsep sains melalui interaksi pengunjung secara langsung dengan bahan pameran yang direka khas.

Program pendidikan STI pula memfokuskan kepada tiga elemen utama iaitu:

- (a) **Memupuk kemahiran berfikir** melalui aktiviti yang menjana proses-proses berfikir dan menerapkan konsep Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Strategi ini dicapai melalui inisiatif latihan kepada pengajar (guru sains, guru matematik dan fasilitator sains) menggunakan modul-modul pendidikan pengajaran sains tidak formal. PSN juga melaksanakan program seumpamanya melalui modul khas terus kepada pelajar;
- (b) **Memupuk teknik penyelesaian masalah** melalui aktiviti sains yang berkait rapat dengan kehidupan seharian seperti penggunaan bahan-bahan kitar semula sebagai bahan eksperimen; dan
- (c) **Penyuntikan elemen keseronokan** berbentuk *edutainment* dalam Pengajaran dan Pembelajaran mata pelajaran sains

dan matematik seperti gabungan seni dan sains (muzik, gambar dan bahan persekitaran) serta penggunaan *multi-sensory* dalam pembelajaran sains yang tidak terikat dengan rutin hafal dan salin.

Secara keseluruhannya, sepanjang tahun 2015, seramai lebih 800,000 orang pengunjung (termasuk murid sekolah, pelajar IPT dan komuniti) telah mendapat manfaat daripada pelbagai program kesedaran STI berterusan yang telah dilaksanakan oleh MOSTI.

Sekian, terima kasih.